



GERAN PENYELIDIKAN PEMADANAN USM-INDUSTRI
USM-INDUSTRY COLLABORATIVE RESEARCH MATCHING
GRANT

GARIS PANDUAN

URUSETIA PROGRAM
BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT (BJIM)
Aras Bawah, Bangunan Canselori II
11800 USM, Pulau Pinang

Tel : 604 653 6417/6421 Faks : 604 653 6406 Web : www.usm.my/icn/

1. PENGENALAN

Dalam menghadapi cabaran mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, transformasi pendidikan tidak boleh lagi dielakkan. Universiti masa kini tidak lagi relevan dalam menghasilkan mahasiswa yang memenuhi permintaan pasaran dan penyelidikan yang berimpak tinggi secara bersendirian tanpa penglibatan pihak industri dalam persekitaran dunia global yang penuh persaingan dan perubahan. Justeru, selaras dengan hasrat Universiti Sains Malaysia yang telah dinobatkan dengan status Universiti Penyelidikan, Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM) mengambil inisiatif dalam memadankan ilmu/ kepakaran, kemudahan dan sumber yang terdapat di dalam universiti dengan keperluan, aspirasi serta harapan pihak industri serta merapatkan hubungan antara kedua-dua belah pihak ke arah kolaborasi yang lebih bermanfaat dan lestari sama ada di peringkat negeri, negara, serantau mahupun antarabangsa. Salah satu inisiatif yang telah diperkenalkan adalah Geran Penyelidikan Pemadanan Kolaborasi USM-Industri untuk mewujudkan platform bagi penyelidikan melalui pertukaran idea kreatif dan inovatif, hasil penyelidikan, pengalaman dan kemahiran.

2. SYARAT PERMOHONAN

Syarat umum dan kriteria Geran Penyelidikan Pemadanan USM-Industri yang telah diperakukan oleh Universiti adalah seperti berikut:

- a) Terbuka kepada semua staf akademik Universiti Sains Malaysia (USM); dan
- b) Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai ahli bersama warganegara Malaysia; dan
- c) Staf akademik (Ketua Projek) USM yang bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai ahli projek bersama bertaraf tetap dari USM; atau
- d) Staf akademik USM yang bercuti belajar/Cuti Sabatikal atau akan cuti belajar/Cuti Sabatikal dalam tempoh projek berjalan tidak dibenarkan menjadi ketua projek atau ahli projek; dan
- e) Cadangan projek yang dilaksanakan mestilah mempunyai unsur jaringan/kolaborasi dalam bentuk pertukaran idea kreatif dan inovatif, hasil penyelidikan, pengalaman dan kemahiran dalam universiti; dan
- f) Mempunyai rakan industri yang merupakan penerima manfaat daripada kerjasama university-industri.

Syarat khusus dan kriteria Geran Penyelidikan Pepadanan USM-Industri yang telah diperakukan oleh Universiti adalah seperti berikut:

- a) Berunsurkan penyelidikan yang menunjukkan *outcome* dan impak positif kepada industri; dan
- b) Mempunyai elemen penyelidikan *trans-disciplinary*, dan digalakkan untuk mempunyai ciri *demand driven* dan *market driven* kepada isu *kelestarian*, *capacity building* dan mempunyai ciri-ciri yang boleh direplika; dan
- c) Kos kepada program ini akan ditanggung oleh Geran Penyelidikan Pepadanan USM-Industri dan rakan industri dalam nisbah 50% (geran): 50% (industri).
- d) *one off* projek tidak akan dipertimbangkan; dan
- e) Tempoh pelaksanaan projek mestilah tidak melebihi tempoh maksimum 12 bulan; serta
- f) Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu RM 50,000.00.

3. PERATURAN PERMOHONAN GERAN LIBATSAMA UNIVERSITI-INDUSTRI

- a) Permohonan untuk Geran Penyelidikan Pepadanan USM-Industri perlu menggunakan borang yang terkini dari Bahagian Jaringan Masyarakat (BJIM).
- b) Permohonan untuk Geran Penyelidikan Pepadanan USM-Industri dibuka kepada projek yang menepati syarat permohonan yang telah diperakukan oleh universiti.
- c) Permohonan perlu disertakan dengan surat dari rakan industry untuk persetujuan kolaborasi.
- d) Permohonan tidak akan dipertimbangkan sekiranya projek kolaborasi telah mendapat geran lain dari USM.
- e) Tarikh penting hebahan pembukaan geran dan hantar permohonan Geran Penyelidikan Pepadanan USM-Industri akan dibuat oleh pihak BJIM melalui pentadbir emel USM.
- f) Semua permohonan hendaklah disemak, dinilai dan diperaku oleh Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan yang bertanggungjawab dan hanya permohonan yang disokong sahaja akan diterima.

4. PERATURAN KEWANGAN

- a) Perbelanjaan yang terlibat/berkaitan dengan projek sahaja dibenarkan. Setiap ahli projek perlu mematuhi prosedur semasa perolehan Universiti bagi setiap perbelanjaan.

- b) Ketua Projek diwajibkan memantau dan membuat perbelanjaan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan mengikut vot sahaja. Sebarang perbelanjaan melebihi peruntukan yang telah diluluskan harus ditanggung oleh Ketua Projek. Peruntukan yang tidak habis digunakan dalam tempoh yang ditetapkan akan LUPUT.
- c) Setiap kelulusan dan pembelian aset/inventori perlu dikemukakan semasa pemantauan Geran Penyelidikan Pematangan USM-Industri. Setiap pembelian aset/inventori perlu melalui PTJ (setiap aset/inventori di PTJ adalah di bawah tanggungjawab Pegawai Aset PTJ) untuk tujuan penerimaan, pendaftaran, pemantauan dan rekod PTJ.
- d) Perbelanjaan geran adalah secara kawalan vot. Jika terdapat keperluan untuk pindaan vot, permohonan akan dipertimbangkan/dibenarkan setahun sekali sahaja. Perbelanjaan yang dibenarkan seperti berikut;

VOT	DEFINISI	CATATAN
Vot 11000 (Upah/Gaji dan Elaun GRA)	Upah/ Gaji bagi Pegawai Penyelidik/ Pembantu Penyelidik dan elaun bagi Pembantu Penyelidik Siswazah sahaja	Pelajar PhD (maksima RM2500) Pelajar MSc (maksima RM1800) Maksima 2 orang Pegawai Penyelidik atau yang sama nilai emolumennya sahaja boleh dilantik bagi tempoh aktif projek. Emolumen pekerja dari industri dibayar oleh pihak industri dan diambilkira sebagai sumbangan dalam bentuk <i>in-kind</i>
Vot 21000 (Perjalanan & Pengangkutan)	Perjalanan bagi tujuan kerja lapangan/bengkel atau forum tempatan sahaja	1. Tidak melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan peruntukan projek. 2. Justifikasi khas/ kukuh perlu diberikan jika permohonan melebihi 10% daripada jumlah peruntukan projek.
Vot 23000 (Perhubungan dan Utiliti)	Perbelanjaan bagi penggunaan telefon, faks, pos dan lain lagi yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.	-
Vot 24000 (Sewaan)	Bagi peralatan, pengangkutan, bangunan dan barangan yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.	-
Vot 27000 (Bekalan & Bahan Penyelidikan)	Bahan mentah dan bahan berkaitan projek sahaja.	Menyatakan secara terperinci Sekiranya, bahan mentah dan bahan berkaitan projek adalah untuk keperluan industri

		berkenaan, industri perlulah menyediakan.
Vot 28000 (Penyelenggaraan dan Ubah Suai)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perbelanjaan baik pulih & pengubahsuaian kecil bangunan, makmal, peralatan berkaitan projek 2. Penyelenggaraan peralatan sedia ada juga dibenarkan. 	
Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)	Perkhidmatan seperti percetakan, honorarium, konsultansi, khidmat kepakaran, suntingan bahasa dll. Perkhidmatan khas seperti kos dan bengkel, bayaran penerbitan dll.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembayaran honorarium kepada Ketua Projek atau Ahli Projek tidak dibenarkan. 2. Yuran persidangan tidak dibenarkan
Vot 35000 (Peralatan dan Aksesori)	Pembelian alatan dan aksesori untuk Pelaksanaan projek sahaja	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak melebihi 40% dari jumlah keseluruhan peruntukan projek. 2. Perlu kemukakan senarai justifikasi dan sebutharga bagi setiap alatan. 3. Pihak Universiti boleh mengagihkan semula peralatan yang diluluskan di bawah geran RUI seandainya terdapat penyelidik lain yang memerlukan peralatan tersebut selepas projek tamat. 4. Wang geran USM tidak boleh digunakan untuk membeli alatan untuk pihak industri. 5. Peralatan yang dibeli tidak boleh ditempatkan di industri.
Vot 52000 (Bayaran-bayaran lain)	Perbelanjaan lain seperti caj bank, pembaharuan lesen perisian dan cukai.	-

5. KEBERHASILAN PROJEK

a) **Outcome dan Impak Projek**

Bertanggungjawab memastikan keberhasilan projek berdasarkan kepada sasaran yang ditetapkan:

- i. Hasil kepada syarikat atau industri (contoh : produk/proses/teknologi baru , penambahan jualan syarikat atau keuntungan).
- ii. Melaksanakan projek-projek dengan industri secara berterusan dan mempunyai hasil yang boleh diukur.
- iii. Peningkatan kapasiti industri penerima atau kumpulan sasaran (Pembangunan modal insan)
- iv. Kerjasama strategik
- v. Pulangan kepada universiti sebagai contoh pengiktirafan kepada ahli akademik
- vi. Pembangunan modal insan kepada industri/kumpulan sasaran/pelajar
- vii. Jenis ilmu yang telah dipindahkan dan penambahbaikan atau ilmu yang diterima (*re-learn, co-learn, co-create*)
- viii. Hasil *tangible* atau *intangible* yang berkaitan dengan projek yang dilaksanakan.

b) **Memorandum Perjanjian (MoA)**

Bertanggungjawab untuk mengadakan Perjanjian Kolaborasi antara Universiti dan Industri dengan mementerai Memorandum Perjanjian (MoA) antara USM dengan rakan industri terlibat bagi menjalankan Penyelidikan Translasional. Dokumen perjanjian MoA ini perlu dimenterai dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sekiranya MoA telah dimenterai sebelum projek dimulakan, Ketua Projek perlulah memaklumkan kepada urusetia.

b) **Penerbitan**

- i. Setiap projek perlu menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan iaitu:
 - Penerbitan dalam Science Citation Index ISI Journals oleh USM atau dalam dalam *Indexed-Journals Such as WoS or Scopus*.
 - Menghasilkan penerbitan menerusi International e-Journal of Community and Industry Engagement (IeJCIE) dengan merujuk kepada Garis Panduan Penerbitan e-Jurnal BJIM.
- ii. Merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia. Sila pastikan nombor akaun/rujukan geran dicatatkan pada *acknowledgement* penerbitan yang dihasilkan. Nama Universiti juga perlu ditulis/ditaip dengan penuh/lengkap iaitu 'Universiti Sains Malaysia'.

c) **Harta Intelekt**

- i. Harta Intelekt hasil projek menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia, industri dan IPTA tertakluk kepada persetujuan bersama menerusi:
 - Pengurusan Harta Intelekt adalah menjadi tanggungjawab IPTA.
 - Hasil pengkomersilan dari projek program yang dibiayai oleh Geran Penyelidikan Pemanduan USM-Industri dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.

- ii. Untuk IPTA, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada.

6. PENILAIAN GERAN

- a) Permohonan Geran Penyelidikan Pemandanan USM-Industri akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam Penyelidikan Translasi.
- b) Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria bagi Geran Penyelidikan Pemandanan USM-Industri yang tersebut di atas.
- c) Penilaian adalah secara saringan awal dan bagi permohonan yang terpilih akan dipanggil ke sesi penilaian akhir yang akan dimaklumkan kemudian.
- d) Makluman keputusan penilaian akhir akan dibuat kepada pemohon dan sebarang keputusan adalah muktamad.

7. KEPUTUSAN & PENAWARAN GERAN

- a) Pemohonan yang berjaya akan ditawarkan surat tawaran geran bersama dengan nombor akaun geran. Ketua Projek perlu menandatangani Borang Perakuan Penerimaan Geran sebelum geran diaktifkan.
- b) Ketua Projek perlu memastikan perjanjian MoA dengan rakan industri dimenterai dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh surat lantikan projek dikeluarkan. Ketua Projek juga bertanggungjawab memastikan perkara yang terkandung dalam perjanjian MoA dipatuhi oleh kedua pihak.

8. PEMANTAUAN GERAN

- a) Semua projek yang diluluskan di bawah Geran Penyelidikan Pemandanan USM-Industri akan dipantau dari aspek prestasi projek dan prestasi kewangan seperti berikut:
 - i. Geran aktif yang telah mencapai tempoh 3/6/9/12 bulan dari tarikh mula geran akan dijemput untuk membentangkan pencapaian dalam bengkel pemantauan.
 - ii. Geran aktif yang telah mencapai tempoh 6/12 bulan dari tarikh mula geran perlu menyediakan laporan kemajuan berkala menggunakan format laporan yang telah ditetapkan oleh BJIM.
 - iii. Setiap penerima geran perlu mengemukakan bukti pelaksanaan projek dalam bentuk gambar kepada BJIM.
 - iv. Sekiranya didapati pencapaian prestasi projek dan prestasi kewangan tidak memuaskan atau pelaksanaan projek tidak memberi *outcome* yang relevan, Panel

Pemantauan Geran boleh mencadangkan geran tersebut untuk ditutup. Keputusan ini akan dibentangkan untuk kelulusan peringkat universiti.

8. PELANJUTAN GERAN

- a) Sekiranya tempoh geran telah berakhir tetapi projek tidak dapat disempurnakan atas justifikasi yang jelas serta kukuh, Ketua Projek bertanggungjawab untuk mengemukakan surat permohonan pelanjutan 3 bulan sebelum tarikh tamat tempoh geran.
- b) Tempoh maksima yang dibenarkan untuk pelanjutan setiap projek ialah selama 3 bulan sahaja.

9. PENUTUPAN/PENAMATAN GERAN

- a) Semua Penyelidik Utama bertanggungjawab untuk menutup geran yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir yang boleh dimuat turun melalui laman web Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM). Laporan akhir ini perlu disampaikan dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selepas tamat tempoh projek ke Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM). Laporan akhir yang tidak lengkap atau tidak ditandatangani tidak akan diterima dan akan dikembalikan semula sehingga syarat tersebut dipenuhi.
- b) Semua pembelian aset/inventori perlu diisytihar dan dikembalikan (melalui Borang Penyerahan Aset/Inventori dan salinan Kew.PA-2/Kew.PA-3) sebagai alatan guna sama yang diletakkan di bawah pengawasan Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM) dan merupakan hak milik USM.
- c) Bagi pertukaran lokasi alatan/pelupusan/kehilangan harta yang telah didaftarkan di bawah PTJ semasa pembelian/perolehan melalui peruntukan projek/geran perlulah melalui prosedur semasa Universiti melalui Jabatan Bendahari.
- d) Kegagalan mengemukakan Laporan Akhir Geran juga akan menjejaskan permohonan baru Geran Dalaman Universiti pada masa depan. Ketua Projek juga berkemungkinan besar disenarai hitam sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) peringatan dihantar.
- e) Ketua Projek, Ahli Projek dan semua yang terlibat dengan geran/projek adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling, Syarat, Polisi Harta Intelek Universiti, Peraturan Pengurusan Kewangan Penyelidikan Universiti dan Peraturan/Peraturan lain yang berkuatkuasa di Universiti Sains Malaysia dan yang termaktub dalam perjanjian MoA yang dimenterai.

-TAMAT-